

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : YB. DATUK JUMAT BIN IDRIS**  
**KAWASAN : SEPANGGAR**

**SOALAN:**

**YB. DATUK JUMAT BIN IDRIS (SEPANGGAR)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah kementerian bersetuju dengan cadangan Sepanggar untuk memasukkan dan menambah skop kerja pembinaan flyover Jalan Lintas dengan menambah satu lorong dan jambatan di batu 5 Jalan Tuaran berhampiran Fook Loi bagi memudahkan aliran trafik keluar dari Pekan Inanam.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM262 juta bagi tujuan menaik taraf 2 persimpangan di Jalan Lintas, Kota Kinabalu. Skop projek ini termasuk menaik taraf jalan 6 lorong 2 hala sepanjang 6.3 km mengikut piawaian reka bentuk JKR R5. Ia termasuklah skop menaik taraf jambatan di Batu 5, Jalan Tuaran berhampiran Wisma Fook Looi, Kota Kinabalu.

Projek membina 2 persimpangan di Jalan Lintas ini merupakan sebahagian daripada skop projek Jalan Lingkaran Luar Kota Kinabalu atau ‘Kota Kinabalu Outer Ring Road/KKORR’ yang dilaksanakan secara berfasa. Pada masa kini kemajuan semasa kerja di tapak untuk 2 persimpangan bertingkat tersebut ialah sebanyak 10% dan projek dijangka akan disiapkan pada bulan Julai 2017. Fasa-fasa lain KKORR akan dipohon untuk kelulusan Agensi Pusat dalam tempoh RMKe-11 (2016 – 2020).

Sekian, terima kasih.